

Zon Berbahasa Inggeris di Kolej Kediaman: Satu Maklum Balas  
(*English Speaking Zones at Residential Colleges: The Students' Feedback*)

MOHD SALLEHHUDIN ABD AZIZ & NOR SYAZWANY MUNAWIL

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pandangan para pelajar mengenai program ‘English Speaking Zone’ (ESZ) atau Zon Berbahasa Inggeris yang pernah dilancarkan di kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk mengenalpasti perubahan yang dialami oleh pelajar setelah mengikuti program tersebut. Program ESZ ini diujudkan sebagai salah satu strategi universiti untuk memperingkat keupayaan pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris di luar konteks bilik darjah. Seramai 241 orang pelajar dari dua buah kolej kediaman di UKM telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati para pelajar memberikan maklumbalas yang positif terhadap program tersebut. Mereka juga bersetuju bahawa program tersebut telah membantu mereka untuk menggunakan Bahasa Inggeris di kolej. Mereka menyatakan bahawa melalui program ini tahap keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris juga telah meningkat.

Kata kunci: Kolej kediaman, Program ESZ, Program Bahasa Inggeris, komunikasi.

*ABSTRACT*

*This study was conducted mainly to identify students' view on program of the English speaking zones (ESZ) which was launched at the residential colleges in Universiti Kebangsaan Malaysia. Besides, this study also intended to investigate the students' improvements after attending the program. The ESZ program was created as a strategy to encourage students to communicate in English outside the classroom. A total of 241 students from two residential colleges were selected to participate in this study. The study found that the students gave positive feedback on the program. They also agreed that the program has helped them to improve their English language. They also maintained that through this program their confidence level and their language skills have improved.*

*Keywords:* Residential colleges, ESZ Program, English Program, communication.

## PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan mempunyai kepadatan penduduk seramai lebih 28 juta orang. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Malaysia dan merupakan bahasa pengantar bagi tugas-tugas rasmi kerajaan dan juga bahasa pengantar di dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan universiti. Walaupun Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi, Bahasa Inggeris masih tetap dianggap sebagai bahasa penting dan digunakan secara meluas di negara ini baik secara formal maupun tidak formal.

Bahasa Inggeris juga telah menjadi bahasa kedua terpenting di mana ianya telah dijadikan sebagai salah satu subjek teras di sekolah-sekolah di Malaysia. Para pelajar di wajibkan mengambil dan lulus Bahasa Inggeris untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Pengambilan ujian MUET (Malaysian Universiti English Test) sebagai contohnya adalah diwajibkan dan pelajar perlu lulus peperiksaan tersebut untuk melayakkan mereka mendapatkan ijazah dari manama institusi pengajian tinggi awam. Namun begitu, masih lagi terdapat segelintir pelajar yang masih lemah di dalam Bahasa Inggeris. Menurut mantan Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof. Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, “We have us today a sizeable number of students who are unable to sharing proper sentences in English even those with passable proficiency shy away from speaking for lack of confidence” (NST, 27 April 2008). Menurut beliau lagi masih terdapat sebilangan pelajar yang masih tidak tahu menggunakan Bahasa Inggeris dengan betul. Malah mereka juga kurang berkeyakinan dan malu untuk menggunakan bahasa tersebut.

Atas dasar inilah maka, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil satu langkah yang agak kontroversial iaitu memperkenal zon penggunaan Bahasa Inggeris (English Speaking Zone, ESZ) di kolej kediaman di UKM. Program tersebut wajib disertai oleh semua para pelajar tahun satu dan ia bermula dari Minggu Mesra Mahasiswa lagi. Pembelajaran di luar bilik darjah bukanlah sesuatu yang baru dan ianya telah dibuktikan oleh beberapa kajian seperti Millward dan Whey (1997), Armitage (2001); Waite and Rea (2007).

Dengan adanya program ESZ ini diharapkan pelajar UKM akan memahirkan diri dengan penggunaan Bahasa Inggeris dalam keadaan pembelajaran bahasa yang tidak formal. Disamping itu, program ini diharap dapat:

- Melahirkan pelajar yang mahir berbahasa Inggeris
- Mewujudkan suasana pembelajaran bahasa secara tidak formal

- Membina kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan pelajar
- Memberi peluang kepada para pelajar belajar bahasa mengikut cara mereka sendiri

Sejauhmana usaha program ESZ ini dapat mencapai matlamatnya menjadi persoalan yang perlu dijawab. Justeru, makalah ini cuba melihat persepsi pelajar terhadap program ESZ yang dilancarkan di kolej-kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sasaran lain kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan pelajar tentang peningkatan pembelajaran bahasa Inggeris mereka dan cadangan mereka terhadap masa depan program ESZ.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan penyelidikan secara kuantitatif telah digunakan menggunakan borang kaji selidik. Kaedah kajiselidik secara ‘cross-sectional’ sesuai di gunapakai dalam kajian ini memandang jumlah pelajar yang terlibat adalah agak ramai dan masa yang terhad (Fink 1995). Melalui borang kaji selidik ini, penyelidik dapat mengenalpasti ciri-ciri, tingkah laku dan tanggapan responden mengenai sesuatu fenomena terutama sekali berkaitan dengan program ESZ.

### Borang Kaji Selidik

Borang kaji selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian. Bahagian A adalah berkaitan tentang latar belakang responden seperti jantina, etnik, umur, fakulti, purata gred semester, gred Bahasa Inggeris SPM, MUET, bahasa yang digunakan di rumah, serta lokasi tempat tinggal. Bahagian B pula berkaitan dengan kemahiran bertutur, menulis dan membaca. Seterusnya Bahagian C merupakan bahagian untuk mengkaji tahap pencapaian Bahasa Inggeris responden. Bahagian D terdiri daripada profil kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris pelajar. Bahagian E pula berkaitan dengan persepsi keberkesanan program Zon Berbahasa Inggeris di kolej-kolej kediaman di UKM. Bahagian F adalah perihal peningkatan dari segi kemahiran Bahasa Inggeris secara keseluruhannya. Seterusnya, bahagian G pula berkaitan tentang aktiviti-aktiviti sepanjang program ESZ di kolej dan akhir sekali ialah Bahagian H, adalah pandangan untuk masa hadapan program ESZ. Soal selidik ini menggunakan skala persetujuan Likert daripada I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju. Cara pemarkahan adalah semakin tinggi skor, semakin kuat kawalan kendiri yang negatif.

## Kawasan Kajian

UKM mempunyai 12 buah kolej kediaman tetapi untuk penyelidikan ini, hanya dua kolej kediaman telah dijadikan sebagai platform penyelidikan. Dua buah kolej yang telah dipilih ialah Kolej Dato' Onn dan Kolej Burhanuddin Helmi. Kedua-dua kolej ini dipilih kerana kolej kediaman tersebut telah membuat persediaan rapi untuk program ESZ berbanding dengan kolej lain. Kolej tersebut juga dipilih kerana sokongan baik kolej dalam menjayakan program Zon Berbahasa Inggeris serta mendapat sokongan padu dari kedua-dua

pengetua yang terlibat.

## Sampel Kajian

Seramai 241 orang pelajar telah dipilih dan mereka terdiri daripada pelajar tahun pertama yang tinggal di dua buah kolej. Jumlah ini adalah kesemua pelajar yang berada di kolej tersebut. Pemilihan mereka adalah berdasarkan ‘non-probabilistic sampling’. Kesesuaian dan kelemahan ‘sampling’ jenis ini dibincang panjang lebar oleh Babbie (1990). Jadual 1 merupakan maklumat tentang responden:

JADUAL 1: Latar belakang responden

Profil	No.	Peratus
<b>Jantina</b>		
Lelaki	94	39.4
Perempuan	147	61.0
<b>Etnik</b>		
Melayu	130	53.9
Cina	61	25.3
India	28	11.6
Lain-lain	22	9.1
<b>Fakulti</b>		
Sains Sosial	127	52.7
Sains	114	47.3

Kajian mendapati pelajar perempuan lebih ramai (61%) berbanding dengan pelajar lelaki (39.4). Jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai daripada lelaki merupakan satu fenomena yang ‘normal’ di semua universiti awam di Malaysia. Selain itu, responden adalah terdiri daripada pelbagai golongan etnik iaitu seramai 53.9% adalah Melayu, 25.3% Cina, 11.6% India dan 9.1% lain-lain. Responden juga adalah dari fakulti yang berbeza di mana seramai 127 atau 52.7% dari kalangan responden merupakan penuntut Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, manakala 47.3% penuntut dari Fakulti Sains.

Jadual 2 menunjukkan purata gred semester dan

purata gred bahasa Inggeris responden. Didapati 74.3% responden memperolehi PNGK antara 2.50 hingga 3.49. Manakala 10.8% responden mendapat PNGK di antara 2.00 hingga 2.49. Sejumlah 14.1% responden berjaya memperolehi PNGK tertinggi iaitu antara 3.50 hingga 4.00. Dari aspek Bahasa Inggeris SPM didapati 47.3% responden telah berjaya memperolehi gred 1A/2A. Sejumlah 38.2% pula telah berjaya memperolehi 3B/4B, manakala 12.4% telah mendapat gred 5C/6C. Hanya 5 orang responden yang mendapat 7D/8E bagi subjek tersebut di peringkat SPM. Tiada responden yang gagal di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM.

JADUAL 2: Purata gred semester dan purata gred Bahasa Inggeris

Profil	No.	Peratus
<b>PNGK Semester</b>		
1.00-1.99	2	0.8
2.00-2.49	26	10.8
2.50-3.49	179	74.3
3.50-4.00	34	14.1
<b>Gred Bahasa Inggeris SPM</b>		
1A/2A	114	47.3
3B/4B	92	38.2
5C/6C	30	12.4
7D/8E	5	2.1
9F	-	-

Jadual 3 menunjukkan peratusan pelajar dan keputusan MUET mereka. Jumlah terbesar ialah 44.0% responden telah memperolehi Band 3, manakala 28.2% telah mendapat Band 4. Sejumlah 18.7% responden

telah mendapat Band 2. Hanya seorang sahaja responden atau 0.4% yang berjaya mendapat band tertinggi iaitu Band 6 dan 2.5% responden pula memperolehi Band 1.

JADUAL 3: Pencapaian pelajar dalam MUET

Band	No.	Peratus
Band 6	1	0.4
Band 5	15	6.2
Band 4	68	28.2
Band 3	106	44.0
Band 2	45	18.7
Band 1	6	2.5

Selain dari itu, responden juga ditanya mengenai bahasa pertuturan yang sering mereka gunakan semasa di rumah dan lokasi tempat tinggal mereka. Berpandukan Jadual 4 di dapat 49.8% responden biasa menggunakan Bahasa Melayu di rumah. Ini kerana jumlah responden paling ramai ialah mereka yang berketurunan Melayu. Seterusnya, 31.5% responden menggunakan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda semasa di rumah. Sejumlah 11.6% daripada responden menyatakan bahawa mereka menggunakan

Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan semasa di rumah, manakala 5.8% responden menyatakan bahawa mereka menggunakan Bahasa Tamil semasa di rumah. Hanya 1.2% daripada responden menyatakan bahawa mereka menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pertuturan di rumah. Selain dari itu, hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden berasal dari kawasan bandar iaitu seramai 51.0% manakala 49.0% lagi berasal dari kawasan luar bandar.

JADUAL 4: Bahasa yang digunakan di rumah dan lokasi tempat tinggal

Profil	No.	Peratus
<b>Bahasa yang digunakan</b>		
Bahasa Melayu	120	49.8
Bahasa Cina	3	1.2
Bahasa Tamil	14	5.8
Bahasa Inggeris	28	11.6
Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda	76	31.5
<b>Lokasi tempat tinggal</b>		
Bandar	123	51.0
Luar Bandar	118	49.0

Jadual 5 menunjukkan tahap pencapaian Bahasa Inggeris responden. Secara umumnya, tahap pencapaian Bahasa Inggeris responden adalah ditahap yang baik. Kajian mendapati kelima-lima item mempunyai maklumbalas kendiri yang positif. Seramai 47.7% dari jumlah responden menyatakan bahawa mereka boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Manakala 44.0% dari jumlah responden menyatakan bahawa tahap berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris

mereka adalah sederhana. Hanya 1.7% responden yang lemah untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Seterusnya, seramai 58.1% dari jumlah responden menyatakan bahawa mereka boleh memahami bahan bacaan berbahasa Inggeris dengan baik. Manakala 32.4% dari jumlah responden menyatakan bahawa tahap mereka adalah sederhana. Hanya 1.2% orang responden menyatakan bahawa mereka lemah untuk memahami bahan bacaan berbahasa Inggeris.

JADUAL 5: Tahap pencapaian Bahasa Inggeris

No.	Item	I		II		III		IV		Mean Score	S.D
		No.	%	No.	%	No.	%	No.	%		
1.	Kebolehan berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris	4	1.7	106	44.0	115	47.7	16	6.6	2.59	.639
2.	Kebolehan memahami bahan-bahan bacaan di dalam Bahasa Inggeris	3	1.2	78	32.4	140	58.1	20	8.3	2.73	.623
3.	Kebolehan memahami pertuturan di dalam bahasa Inggeris	4	1.7	91	37.8	129	53.5	17	7.1	2.66	.633
4.	Tahap keupayaan mempelajari Bahasa Inggeris	3	1.2	88	36.5	132	54.8	18	7.5	2.68	.626
5.	Tahap pemahaman membaca bahan bacaan berbahasa Inggeris	4	1.7	82	34.0	143	59.3	12	5.0	2.68	.594

I= Lemah, II= Sederhana, III= Baik dan IV= Amat baik

Selain dari itu, seramai 54.8% dari jumlah responden menyatakan tahap keupayaan mereka mempelajari Bahasa Inggeris adalah baik. Seramai 36.5% lagi menyatakan bahawa mereka berada pada tahap yang sederhana. Hanya 1.2% responden yang mempunyai tahap keupayaan mempelajari Bahasa Inggeris yang lemah. Akhir sekali ialah tahap pemahaman membaca bahan bacaan berbahasa Inggeris. Seramai 59.3% dari jumlah responden menilai tahap pemahaman mereka adalah baik, manakala 34.0% lagi menyatakan bahawa tahap pemahaman mereka adalah sederhana. Hanya 1.7% responden menyatakan bahawa tahap pemahaman mereka adalah lemah.

Berdasarkan Jadual 6 keenam-enam item tersebut juga mendapati maklumbalas yang positif dari pelajar kerana purata skor min di antara 2.51 – 3.02. Seramai 56.0% dari jumlah responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan fasih. Manakala 42.7% tidak bersetuju bahawa mereka boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan fasih. Seramai 91.7%

dari jumlah responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka menggunakan ayat-ayat mudah untuk berbincang sesuatu topik. Manakala 7.9% dari jumlah responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 55.6% dari jumlah responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka berfikir di dalam Bahasa Melayu sebelum menuturkannya dalam Bahasa Inggeris. Manakala 32.0% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Selain dari itu, 41.0% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mempunyai tahap perbendaharaan kata Bahasa Inggeris yang luas. Walau bagaimanapun, 56.4% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 64.7 responden bersetuju bahawa mereka boleh menyertai perbincangan di dalam Bahasa Inggeris, manakala 27.0% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, seramai 75.1 responden bersetuju bahawa mereka mengalami kesukaran untuk menyebut sesuatu perkataan dalam Bahasa Inggeris, manakala 15.4% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

JADUAL 6: Tahap pencapaian Bahasa Inggeris (samb.)

No.	Item	I		II		III		IV		Mean Score	S.D
		No.	%	No.	%	No.	%	No.	%		
1.	Boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris dengan fasih	3	1.2	103	42.7	123	51.0	12	5.0	2.60	.605
2.	Menggunakan ayat-ayat mudah untuk berbincang sesuatu topik	1	0.4	19	7.9	195	80.9	26	10.8	3.02	.451
3.	Berfikir di dalam Bahasa Melayu sebelum menuturkannya di dalam Bahasa Inggeris	30	12.4	77	32.0	116	48.1	18	7.5	2.51	.807
4.	Tahap perbendaharaan kata Bahasa Inggeris yang luas	6	2.5	136	56.4	89	36.9	10	4.1	2.43	.616
5.	Boleh menyertai perbincangan di dalam Bahasa Inggeris	2	0.8	65	27.0	156	64.7	18	7.5	2.79	.578
6.	Mengalami masalah untuk menyebut sesuatu perkataan di dalam Bahasa Inggeris	4	1.7	37	15.4	181	75.1	19	7.9	2.89	.537

Purata Skor min:2.70 I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju

Jadual 7 menunjukkan profil kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris pelajar. Sebanyak 13 item mendapat maklumbalas yang positif kecuali item ke-11 iaitu kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan kakitangan kolej. Seramai 43.2% dari jumlah responden bersetuju bahawa mereka

selalu mendengar lagu-lagu Inggeris, manakala 15.6 % dari jumlah responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Selain dari itu, 49.4% dari jumlah responden bersetuju bahawa mereka selalu menonton program televisyen berbahasa Inggeris dan 17.0% tidak bersetuju. Seterusnya, 49.8% bersetuju bahawa

mereka selalu menggunakan Bahasa Inggeris dalam setiap aktiviti ESZ. Ini selaras dengan objektif ESZ itu sendiri untuk melahirkan pelajar yang mahir berbahasa

Inggeris. Manakala 44.4% dari jumlah responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

JADUAL 7: Profil kekerapan penggunaan Bahasa Inggeris responden

No.	Item	I		II		III		IV		Mean Score	S.D
		No.	%	No.	%	No.	%	No.	%		
1.	Selalu mendengar lagu-lagu Inggeris	2	0.8	38	15.8	104	43.2	97	40.2	3.23	.737
2.	Selalu menonton program televisyen berbahasa Inggeris	2	0.8	41	17.0	119	49.4	79	32.8	3.14	.716
3.	Selalu menggunakan Bahasa Inggeris dalam setiap aktiviti ESZ	3	1.2	107	44.4	120	49.8	11	4.6	2.58	.601
4.	Suka membaca majalah berbahasa Inggeris	4	1.7	87	36.1	112	46.5	38	15.8	2.76	.729
5.	Suka membaca novel-novel berbahasa Inggeris	21	8.7	127	52.7	70	29.0	23	9.5	2.39	.779
6.	Selalu menulis e-mel di dalam Bahasa Inggeris	13	5.4	119	49.4	86	35.7	23	9.5	2.49	.742
7.	Selalu berteks SMS di dalam Bahasa Inggeris	8	3.3	110	45.6	102	42.3	21	8.7	2.56	.699
8.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan rakan-rakan bukan sebangsa	4	9.1	112	46.5	99	41.1	26	10.8	2.61	.699
9.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa bertutur dengan pensyarah	9	3.7	111	46.1	99	41.1	22	9.1	2.56	.711
10.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa bertutur dengan pengetua kolej	52	21.6	137	56.8	45	18.7	7	2.9	2.03	.721
11.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan kakitangan kolej	67	27.8	150	62.2	17	7.1	7	2.9	1.85	.667
12.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan JAKSA	22	9.1	162	67.2	51	21.2	6	2.5	2.17	.612
13.	Kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan rakan sebangsa.	19	7.9	157	65.1	56	23.2	9	3.7	2.23	.640

I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju

Kebanyakan responden suka membaca majalah berbahasa Inggeris, di mana 46.5% telah bersetuju dengan pernyataan tersebut, tetapi 36.1% tidak bersetuju. Berbeza dengan majalah berbahasa Inggeris, kebanyakan responden tidak suka membaca novel-novel berbahasa Inggeris. Seramai 52.7% tidak

bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka suka membaca novel-novel berbahasa Inggeris. Seramai 49.4% dari jumlah responden tidak bersetuju bahawa mereka selalu menulis e-mel dalam Bahasa Inggeris dan hanya 35.7% bersetuju bahawa mereka selalu menulis e-mel dalam Bahasa Inggeris. Seterusnya,

45.6% dari jumlah responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa mereka selalu berteks SMS menggunakan Bahasa Inggeris, sementara 42.3% lagi bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Seterusnya 46.5% menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan pernyataan bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan rakan bukan sebangsa, tetapi 41.1% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sejumlah 46.1% responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa bertutur dengan pengetua kolej, tetapi 41.1% telah bersetuju dengan pernyataan tersebut. Mereka juga tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa bertutur dengan pengetua kolej. Hasil kajian mendapati seramai 56.8% dari jumlah responden tidak bersetuju. Manakala 18.7% telah bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 62.2% tidak bersetuju bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan kakitangan kolej, tetapi 7.1% lagi telah bersetuju. Seterusnya, seramai 67.2% responden tidak bersetuju bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi

dengan JAKSA kolej dan 21.2% bersetuju bahawa mereka menggunakan bahasa tersebut semasa berkomunikasi dengan JAKSA kolej. Akhir sekali, seramai 65.1% tidak bersetuju bahawa mereka kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan rakan sebangsa, tetapi 23.2% lagi bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 8 menunjukkan persepsi pelajar tentang keberkesanan program Zon Berbahasa Inggeris (ESZ). Didapati nilai cronbach's alpha bagi keseluruhan item adalah sangat tinggi iaitu 0.942. Ini menunjukkan soalan kajian tersebut menepati kehendak penyelidikan. Sejumlah 66.8 dari jumlah responden berpendapat bahawa program ESZ menggalakkan pelajar menggunakan Bahasa Inggeris di kolej mereka. Manakala 70.1 % mengatakan bahawa para pelajar mendapat manfaat dari aktiviti ESZ. Ini menunjukkan bahawa program ESZ ini mendapat sambutan yang positif di kalangan pelajar. Selain dari itu, sebanyak 64.3% dari jumlah responden menyatakan bahawa ESZ telah berjaya menarik minat pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris. Hanya 14.5 % menyatakan bahawa ESZ tidak sesuai dijalankan di kolej dan ESZ tidak mendorong faedah kepada pelajar di kolej.

JADUAL 8: Persepsi pelajar tentang keberkesanan program Zon Berbahasa Inggeris (ESZ)

Item	I	II	III	IV	Mean Score	S.D
ESZ di kolej berkesan	5.8%	43.2%	47.7%	3.3%	2.49	.659
ESZ membantu meningkatkan motivasi saya untuk menggunakan Bahasa Inggeris	3.3%	30.7%	60.6%	5.4%	2.68	.627
ESZ berkesan meningkatkan keupayaan Bahasa Inggeris saya	3.3%	41.1%	52.3%	3.3%	2.56	.617
ESZ di kolej amat menyeronokkan	6.2%	41.5%	47.3%	5.0%	2.52	.690
Para pelajar mendapat manfaat dari aktiviti-aktiviti ESZ	2.5%	27.4%	65.1%	5.0%	2.73	.591
Aktiviti yang dijalankan memenuhi keperluan Bahasa Inggeris saya dan para pelajar	4.1%	45.6%	46.1%	4.1%	2.50	.646
ESZ Berjaya menarik minat pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris	2.1%	29.5%	64.3%	4.1%	2.71	.578
ESZ menggalakkan pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris di kolej mereka	1.7%	25.7%	66.8%	5.8%	2.77	.574
ESZ di kolej membebankan pelajar	32.0%	39.0%	27.4%	1.7%	1.99	.814
ESZ tidak sesuai dijalankan di kolej	36.5%	48.1%	14.5%	0.8%	1.80	.710
ESZ mengganggu pembelajaran saya	37.3%	46.9%	14.9%	.8%	1.79	.718
ESZ tidak mendorong faedah kepada pelajar di kolej	37.8%	85.1%	14.9%	0.4%	1.78	.701
ESZ mengganggu masa riadah para pelajar	36.5%	43.2%	19.9%	0.4%	1.84	.747
ESZ tidak berjaya menarik minat pelajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris	29.5%	45.2%	22.4%	2.9%	1.99	.798

Cronbach's alpha: 0.942 I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju

Jadual 9 menunjukkan persepsi pelajar terhadap peningkatan kemahiran Bahasa Inggeris. Didapati nilai Cronbach alpha bagi keseluruhan item bagi bahagian ini adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 0.984. Seramai 61.8 % responden mengatakan bahawa ESZ telah berjaya memberi keyakinan kepada mereka untuk menggunakan Bahasa Inggeris. Sementara 51 % memberi balas

positif bahawa ESZ menggalakkan penglibatan pelajar menggunakan Bahasa Inggeris di kelas. Manakala 59.3% bersetuju ESZ berjaya meningkatkan kemahiran bertutur mereka dalam Bahasa Inggeris. Berdasarkan peningkatan yang telah ditunjukkan, jelaslah bahawa para pelajar telah mendapat input atau manfaat dari program ESZ tersebut.

JADUAL 9: Peningkatan dari segi kemahiran Bahasa Inggeris

Items	I	II	III	IV	Mean Score	S.D
ESZ berjaya meningkatkan tatabahasa Bahasa Inggeris saya	1.2%	49.0%	47.7%	2.1%	2.50	.556
ESZ berjaya meningkatkan kemahiran mendengar saya di dalam Bahasa Inggeris	1.2%	38.6%	58.1%	2.1%	2.60	.547
ESZ berjaya meningkatkan kemahiran bertutur saya di dalam Bahasa Inggeris	1.7%	37.3%	59.3%	1.7%	2.60	.547
ESZ berjaya meningkatkan kemahiran menulis saya di dalam Bahasa Inggeris	2.9%	58.9%	36.5%	1.7%	2.36	.562
ESZ berjaya meningkatkan kemahiran sebutan saya di dalam Bahasa Inggeris	1.2%	41.5%	55.2%	2.1%	2.58	.551
ESZ berjaya meningkatkan kemahiran membaca saya di dalam Bahasa Inggeris	0.8%	52.3%	45.2%	1.7%	2.48	.548
ESZ dapat meningkatkan tahap penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Inggeris saya	0.8%	46.1%	51.0%	2.1%	2.54	.548
ESZ berjaya meningkatkan kefahaman Bahasa Inggeris saya	0.8%	40.2%	56.4%	2.5%	2.60	.547
ESZ berjaya meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris saya secara keseluruhan	2.1%	49.0%	47.3%	1.7%	2.48	.564
ESZ menarik minat saya untuk hadir kelas Bahasa Inggeris	2.9%	50.2%	43.6%	3.3%	2.47	.606
ESZ berjaya memberi keyakinan kepada saya untuk menggunakan Bahasa Inggeris	0.8%	33.2%	61.8%	4.1%	2.69	.555
ESZ berjaya meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris saya di kelas	1.2%	44.0%	51.0%	3.7%	2.57	.582
ESZ menggalakkan penglibatan pelajar menggunakan Bahasa Inggeris di kelas	1.2%	35.3%	59.3%	4.1%	2.66	.571

Cronbach's Alpha: 0.984 I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju

Jadual 10 menunjukkan cadangan program ESZ untuk masa hadapan. Nilai Cronbach alpha bagi keseluruhan item untuk bahagian ini adalah tinggi iaitu sebanyak 0.852. Seramai 98.3% responden bersetuju supaya aktiviti yang dijalankan perlu dipertingkatkan lagi. Manakala, 98.3% bersetuju supaya kemudahan yang disediakan perlu dipertingkatkan. Seterusnya, sebanyak 93.4% responden bersetuju supaya ESZ

diseragamkan di semua kolej kediaman. Kesemua cadangan ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan bagi memantapkan lagi program ESZ untuk masa akan datang. Hanya 10.8% bersetuju supaya ESZ perlu dihentikan pada masa hadapan. Ini menunjukkan mereka menyokong supaya ESZ ini diteruskan pada masa akan datang berikutnya jumlah responden yang tidak bersetuju program ini diteruskan adalah sedikit.

### JADUAL 10: Cadangan program ESZ untuk masa hadapan

Items	I	II	III	IV	Mean Score	S.D
ESZ perlu diteruskan di semester akan datang	2.1%	5.0%	42.7%	50.2%	3.49	.646
ESZ perlu melibatkan semua pelajar dari tahun pertama hingga tahun akhir pengajian	1.7%	4.6%	38.2%	55.6%	1.58	.750
Aktiviti yang dijalankan perlu dipertingkatkan lagi	0.4%	1.2%	42.7%	55.6%	3.31	.795
Kemudahan yang disediakan perlu dipertingkatkan	0.4%	2.1%	37.8%	59.8%	3.34	.752
ESZ perlu diakui sebagai salah satu daripada program universiti	1.2%	4.6%	38.6%	55.6%	3.46	.707
ESZ perlu dihentikan pada masa hadapan	55.6%	33.6%	8.3%	2.5%	3.57	.559
ESZ perlu distrukturkan semula pada masa akan datang	6.2%	2.1%	46.1%	45.6%	3.54	.548
Objektif ESZ ini perlu diperjelaskan	4.1%	4.6%	44.8%	46.5%	3.49	.665
ESZ perlu diseragamkan di semua kolej kediaman	2.9%	3.7%	37.8%	55.6%	3.41	.684

Cronbach's Alpha: 0.852: I= Sangat tidak setuju, II= Tidak setuju, III= Setuju dan IV= sangat setuju

### KESIMPULAN

Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar menyokong dan memberikan maklumbalas yang positif tentang program Zon Berbahasa Inggeris di kolej-kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hampir kesemua responden menyatakan bahawa program tersebut dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini adalah selari dengan satu kajian lain "English Speaking Zone" yang dijalankan oleh Deerlittle Luzon (2013) yang juga mendapat respon yang positif dari para pelajar di University UE Manila. Untuk memupuk pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua suatu keadaan yang kondusif untuk pembelajaran bahasa perlu dibuat seperti yang telah disarankan oleh Krashen (1987) yang menyatakan satu situasi pembelajaran yang mempunyai 'filter afektif yang rendah' di mana pelajar akan mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di dalam keadaan yang tidak mencengkam dan ada elemen keseronokan. Keadaan ini sekiranya tidak dilakukan pelajar akan merasa kurang selesa dan kurang berkeyakinan dan ini akan menyebabkan halangan psikologi dalam pembelajaran bahasa Littlewood (1995).

Selain dari itu, pelajar juga menyatakan bahawa program ini membantu mereka meningkatkan tahap kebolehan berbahasa Inggeris mereka. Mereka juga menyokong agar program ini diteruskan di masa akan datang kerana ia mendatangkan banyak manfaat kepada para pelajar. Aktiviti-aktiviti sepanjang program tersebut juga perlu diberi perhatian bagi memantapkan

lagi program Zon Berbahasa Inggeris ini.

### RUJUKAN

- Armitage, M. 2001. "The ins and outs of school playground play: Children's use of 'play places'. In Play today in the primary school playground: Life, learning and creativity, Edited by: Bishop, J. C. and Curtis, M. 37–58. Buckingham, UK: Open University Press.
- Babbie, E 1990. Survey research Methods (2nd ed. Belmont, CA: Wadsworth.
- Deerlittle, Luzon. 2013 Effects of Implementing English Speaking Zones at UE Manila <http://voices.yahoo.com/thesis-effects-implementing-english-speaking-zones-1281051.html>
- Fink, A. 1995. The survey handbook (Vol 1). Thousands Oaks, CA: Sage.
- Krashen, S.D. 1987. Principles and Practice in Second Language Acquisition. New York: Prentice-Hall.
- Littlewood, W. (1995). Foreign and Second Language Learning. Cambridge: CUP
- Millward, A. and Whey, R. 1997. Facilitating play on housing estates, London: Chartered Institute of Housing and Joseph Rowntree Foundation.
- New Straits Times. 27 April 2008.
- Waite, S. and Rea, T. 2007. "The joy of teaching and learning outside the classroom, chapter". In Joyful teaching and learning in the primary school, Edited by: Hayes, D. 52–62. Exeter, UK: Learning Matters.

Mohd Sallehudin Abd Aziz (Prof. Madya Dr.)  
Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor. Malaysia  
E-mel: drsallehudin@gmail.com

Nor Syazwany Munawil (Cik)  
Pusat pengajian Bahasa & Linguistik,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor. Malaysia